

27 JUN 1996

Ramli-Pelancongan

PULAU LALANG UNTUK REKREASI BERBASIKAL DAN "MOTORCROSS"

KAMPUNG GAJAH, 27 Jun (Bernama) -- Pulau Lalang yang terletak berdepan dengan Kompleks Sejarah Pasir Salak akan dibangunkan sebagai kawasan perkemahan, tempat berbasikal dan perlumbaan motosikal atau lebih dikenali sebagai "motorcross" untuk menambah lagi tarikan pelancong ke tempat bersejarah itu.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini berkata, bentuk pulau dan jenis pasir di situ sesuai untuk perlumbaan motorcross.

Kompleks Sejarah Pasir Salak yang bernilai RM10 juta merupakan projek integrasi pelbagai aktiviti pelancongan yang dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini, katanya kepada pemberita selepas majlis tahlil dan jamuan tengah hari di Rumah Kutai beliau berhampiran dengan kompleks itu di Pasir Salak dekat sini.

Sebelum itu, Ramli mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Kompleks Sejarah Pasir Salak.

Ramli berkata pada Nov ini, kerajaan Perak akan mengadakan promosi besar-besaran ke Kuala Lumpur dan Singapura mengenai kompleks sejarah itu yang mempunyai pelbagai tarikan memandangkan kerajaan negeri banyak menerima pertanyaan daripada orang ramai termasuk warga Singapura mengenai kompleks itu.

" Ianya bukan sahaja satu tempat yang bersejarah dengan rumah-rumah berbentuk lama tetapi juga mempunyai persekitaran alam semulajadi dengan suasana kampung tradisi yang asli," katanya.

Beliau berkata pelancong ke tempat itu juga berpeluang melihat aktiviti kraftangan seperti membuat rebana, tekad benang emas dan labu Pulau Tiga, selain menjalankan aktiviti sukan air seperti memancing, berperahu dan jet-ski.

Kompleks itu mempunyai pelbagai tarikan sejarah seperti dua rumah kutai, terowong masa yang dipenuhi dengan pelbagai bahan sejarah termasuk diarama yang menggambarkan secara audio-visual sejarah silam, menara pandang, tugu J.W.W Birch, resident British yang dibunuh oleh orang suruhan Datuk Maharajalela, kubu dan kediaman Maharajalela, katanya.

Beliau berkata untuk penginapan, sebanyak 20 chalet yang mempunyai sejumlah 80 bilik berserta kolam renang akan dibina di situ, termasuk sebuah restoran terapung yang akan dikendalikan oleh pengusaha yang berpengalaman dalam bidang perhotelan.

Ramli berkata pelancong ke situ juga akan berpeluang melawat makam-makam di raja berhampiran, tempat tuntung dibiak di Bota, Parit atau ke Felcra Seberang Perak, tanah rancangan yang terpilih untuk pelancaran Desa Wawasan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis, depan. -- BERNAMA

KY PR